

**TITAH UCAPAN TUANKU CANSELOR  
DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA  
IBNI DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED SIRAJUDDIN  
JAMALULLAIL. RAJA MUDA PERLIS  
DI ISTIADAT KONVOKESYEN KE DUA, UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
18 OGOS 2007, DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS**

Bismillahirrahmanirrahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan

Salam Mahabbah.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya juga, dapatlah Saya sebagai Canselor UniMAP berserta Raja Puan Muda Perlis bersama-sama hadirin sekalian pada hari ini.

Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan!

"Ilmu yang manfaat, apabila diamal dengan penuh keikhlasan, maka akan lahirlah insani yang bertaqwa dan cemerlang. Sesungguhnya, pencipta kita, Allah Subhanahu wa Ta'ala mengangkat darjat orang yang berilmu berbanding dengan orang yang tidak berilmu".

Hadirin sekalian,

Pertama sekali, Saya mengucapkan tahniah kepada semua graduan. Sebagai seorang yang bergelar siswazah, pengajian anda bukan tamat di sini sahaja. Para graduan hendaklah terus berjihad menimba ilmu pengetahuan kerana ianya adalah "Punca kepada kuasa" sebagaimana yang disarankan oleh Kerajaan sekarang. Walau dalam bidang apa sekalipun para graduan ceburi selepas ini, anda semua hendaklah menerapkan tabiat pembelajaran sepanjang hayat dan memberi tumpuan untuk menjadi manusia yang lebih terbilang.

Di sini, Saya juga mengucapkan syabas kepada semua ibu bapa, penjaga serta usrah keluarga kepada para graduan yang turut hadir. Saya juga tidak lupa mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua dekan, pensyarah dan tenaga pengajar serta rakan Industri UniMAP yang telah memberi komitmen yang jitu, sehingga lahirnya graduan yang holistik, seimbang dan berkualiti khususnya para jurutera berkemahiran tinggi yang akan menjadi

pemangkin dan penyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing perindustrian negara.

Hadirin sekalian,

Dekad ini, isu persaingan global menjadi tajuk hangat di berbagai forum. Sesungguhnya, persaingan untuk menguasai bidang kritikal bergantung kuat, bukan sahaja kepada akhlak, sikap, pemikiran dan tindakan yang positif, tapi kita mesti mempunyai 'hala tuju' yang jelas dalam apa juga usaha kita. Dalam era yang semakin hebat dan mencabar, kita tidak ada banyak masa dan pilihan. Selain daripada bertungkus lumus merekabentuk teknik termaju baru kita juga hendaklah cuba melipatgandakan usaha untuk berkembang melalui pendekatan secara inovatif atau menjana penambahbaikan nilai kepada kaedah saintifik yang sedia ada. Para inovator masa depan adalah terdiri daripada pemikir-pemikir yang dikurniakan oleh Yang Maha Esa perhubungan kemanusiaan dan mempunyai pengetahuan asas spiritual yang kukuh. Melalui semangat mengembang dan memperkayakan secara malar dan pendekatan karya inovasi yang pragmatik, nescaya kita dapat melonjak ke hadapan dan

menguasai haluan kita sendiri iaitu seperti mana kata-kata dalam Bahasa Inggeris "***Be the masters of our own destiny***".

Sebagai sebuah negara yang ingin dan sedang bersaing di peringkat antarabangsa juga, kita tidak mahu lagi terus berada di bawah telunjuk kuasa besar seperti pra 31 Ogos, 1957 dahulu. Oleh itu, kita hendaklah mempunyai dasar yang telus di samping mewujudkan generasi pelaksana yang mempunyai gagasan yang berfikiran komprehensif, fleksibel dan bijaksana. Implementasinya hendaklah konsisten atau istiqamah yang diasaskan kepada sistem atau 'manhaj' serta konsep yang diterima oleh semua pihak serta mengambil kira pertimbangan implikasinya terhadap ekonomi, sosial, perundangan, kesihatan dan alam sekitar. Jika dasar dan strategi diubah-ubah mengikut selera atau permasalahan semasa semata-mata, maka pedoman pelaksanaannya akan menjadi tidak menentu dan mudah tersasar daripada sasaran asal yang sebenarnya.

Hadirin sekalian,

Nama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia atau KUKUM sudah pergi dan Universiti Malaysia Perlis atau UniMAP pula ditubuhkan pada 1hb. Februari 2007 yang lalu. Proses untuk merubah sesuatu organisasi ke arah yang lebih cemerlang memerlukan kesungguhan yang tinggi, bukan sahaja daripada pihak pengurusan atasan tapi seluruh tenaga organisasi itu. Perubahan yang diinginkan pula mestilah bukan sekadar kerana hanya mahu berubah atau dibuat pembaharuan. Sebaliknya ia haruslah dilaksanakan selepas membuat kajian terperinci, jangka pendek dan panjang, secara tersusun dan terancang supaya impaknya membawa kesan yang efektif. Meletakkan keutamaan dan menrasionalkan perbelanjaan juga merupakan teras utama . Dalam hubungan ini, para penggubal dasar di UniMAP dan para profesional haruslah membuat dan menerima keputusan secara musyawarah, berfikiran terbuka, berpandangan jauh dan mengamalkan sikap bersabar supaya teras misi dan visi universiti dapat dicapai dengan mantap dan sempurna.

Kejayaan sesebuah universiti juga bergantung kepada sejauh manakah kerjasama kesepakatan berpasukan, perpaduan, komunikasi dan interaksi

antara satu sama lain dapat diterjemah dan difahami di semua peringkat pelaksanaan.

Hadirin sekalian,

Setakat ini, Saya amat berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai oleh UniMAP. UniMAP dihujani pujian demi pujian, yang mana Saya sebagai Canselor berserta semua warganya sentiasa berasa amat berbangga. Tapi kita mesti terus melaksanakan dan mengotakan apa yang kita janjikan atau dengan erti kata lain 'We Must Walk The Talk' supaya penggerak dan iltizam kepada kejayaan tidak pudar begitu sahaja. Saya juga berharap agar UniMAP jangan sekali-kali terperangkap dalam lembah zon selesa dan lalai dengan kejayaan-kejayaan yang dikehendaki setakat ini. Untuk maju ke hadapan, Saya menyarankan agar kepimpinan cemerlang Lembaga Pengarah dan Pengurusan UniMAP hendaklah terus memberi penekanan kepada perkara-perkara berikut:

Pertama: Memberi fokus kepada bidang tumpuan asas penubuhan universiti dan bidang lain yang berkaitan dengannya,

- Kedua: Membangunkan sistem pengurusan yang berintegriti dan berkualiti,
- Ketiga: Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan,
- Keempat: Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan yang relevan dengan masyarakat dalam konteks kekangan dana dan bukan sekadar mengejar 'glamour' rekacipta,
- Kelima: Membangunkan perkhidmatan universiti berasaskan amalan terbaik antarabangsa,
- Keenam: Mewujudkan penanda aras, kolaborasi dan perkongsian pintar dengan pusat-pusat kecemerlangan di luar negara supaya UniMAP dikenali di persada pendidikan global,
- Ketujuh: Menjalankan kerjasama yang lebih akrab dengan sektor swasta bagi memanfaatkan hasil-hasil penyelidikan universiti,
- Kelapan: Menerapkan ilmu daripada pelbagai sumber dan jangan terlalu taksub kepada satu punca ilmu.

- Kesembilan: Memilih tenaga kerja yang benar-benar berkelayakan yang dapat menambah nilai kepada UniMAP serta sentiasa menepati masa dan,
- Kesepuluh: Menerapkan akidah yang betul, nilai serta amanah moral yang murni di kalangan warganya.

Hadirin sekalian,

Di kesempatan ini juga, Saya mengucapkan penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perlis di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Kementerian Pengajian Tinggi di bawah pimpinan Yang Berhormat Menterinya, Yang Berbahagia Tan Sri Pengurus dan semua Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pihak Pengurusan Universiti, khasnya Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor serta timbalan-timbalan beliau dan semua lapisan warga UniMAP. Semoga keperihatinan, sumbangan dan usaha gigih murni ini akan berterusan.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Ramli bin Abbas, tokoh tunggal penerima Anugerah

Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan pada konvokesyen kali ini. Dengan pengalaman korporatnya yang luas, Saya berharap Yang Berbahagia Dato' akan terus memberi sumbangan bakti kepada UniMAP.

Berbalik kepada para graduan yang akan bergraduat, Saya ingin berpesan, jangan sekali-kali melupakan UniMAP. Imbaslah kembali masa-masa lalu ketika anda bersama UniMAP. Lihatlah perkembangan UniMAP masa lalu dan masa kini. Berbanggalah menjadi alumni UniMAP. Kunjungilah kami di UniMAP di masa hadapan sebagai pembimbing atau penyuluhan kepada generasi UniMAP yang akan datang serta berusahalah untuk memperbaiki dan memartabatkan citra UniMAP di persada pendidikan negara.

Hadirin sekalian,

Sebelum Saya akhiri titah, marilah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, kerana telah melimpahkan nikmat masa, keamanan dan kesejahteraan kepada kita semua hingga kita dapat menunaikan tanggungjawab mengikut sunnah yang diamanahkan olehNya.

Akhir titah, sebagai Canselor, Saya akan mencerahkan segala tenaga untuk membawa UniMAP ke tahap yang lebih gemilang dan bersama-sama anda menjadikannya tersohor, sebagai sebuah universiti teknikal berfokus yang kreatif dan inovatif bertaraf dunia. Saya dan Raja Puan Muda Perlis berdoa, semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala akan memberkati majlis kita pada hari ini dan memelihara perjalanan para graduan dan semua yang hadir ketika pulang ke destinasi masing-masing. Insya-Allah.

Citra UniMAP sama dijinjing  
Sokongan Kerajaan Negeri jelas tertera  
Modal insan teras daya saing  
Maju negara rakyat sejahtera

Dari Kangar ke Wang Ulu  
Singgah sebentar membeli kelapa  
Keringat bapa air mata ibu  
Jangan graduan mudah lupa

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala  
wabarakatuh.

Terima kasih.